

Ketua Pengarah IKIM Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan

BH 13 SEP 2000

KUALA LUMPUR. Ketua Pengarah Institut Ke-fahaman Islam Malaysia (IKIM), Datuk Dr Ismail Ibrahim, 63, dilantik sebagai Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan yang baru.

Pelantikan itu sudah dipersetujui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selaku Pengerusi Jawatankuasa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia.

Sumber memberitahu *Berita Harian* hari ini, surat pelantikan itu ditandatangani Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin dan sudah dimaklumkan kepada Dr Ismail sejak dua minggu lalu.

Dr Ismail yang dihubungi

ini mengesahkan mengenai pelantikan itu. Beliau & dijangka mempengerusikan buat kali pertama Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan yang akan diadakan di Kota Kinabalu, Sabah pada 18 September ini.

Jawatan itu kosong berikutan kematian Datuk Mursyid Diraja Tajudin Abdul Rahman akibat barah, Mei lalu. Majlis Fatwa Kebangsaan dianggotai semua mufti.

Dr Ismail yang berasal dari Sungai Petani, Kedah, memiliki diploma pendidikan dan sarjana dari Universiti Al-Azhar serta Doktor Falsafah (PhD) dari University of St Andrew, United Kingdom.

Beliau pernah menjadi guru selama lapan bulan di

Dr Ismail pernah menyarankan supaya Majlis Fatwa membincang dan mengeluarkan keputusan muktamad isu kafir-mengkafir

Sekolah Menengah Kerajaan; Pegawai Penyelidik di Dewan Bahasa dan Pustaka, Profesor Madya dan Dekan Fakulti Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Ketua Jabatan Bahasa al-Quran dan Pengarah serta Profesor Pusat Bahasa di Universiti Islam Antarabangsa dan perunding di Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis) sebelum dilantik Ketua

Pengarah IKIM pada April 1992.

Ketika isu kafir mengkafirkan yang diperkatakan semula baru-baru ini, Dr Ismail pernah menyarankan supaya Majlis Fatwa Kebangsaan membincangkan semula dan mengeluarkan fatwa muktamad bagi menyelesaikan sebarang kekeliruan di kalangan umat Islam.

Isu itu berbangkit semula berikutan kenyataan Men-

teri Besar Terengganu, Abdul Hadi Awang bahawa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam ketika Tan Sri Musa Hitam menjadi Timbalan Perdana Menteri, turut berpendirian amanatnya itu tidak bercanggah dengan Islam.

Pada 3 Disember 1984, Majlis Raja-Raja mengumumkan bahawa sesiapa yang menuduh atau menganggap orang Islam lain sebagai kafir, melakukan perbuatan haram dan mes-tilah bertaubat serta menghentikan perbuatan itu serta-merta.

Pengumuman itu dibuat berikutan keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan mengenai isu kafir-mengkafir yang ditimbulkan Pas ketika itu.